

VOLUME 2

MARCH 2022

arte

Art and Expression

arts
&
local
culture



ARTe: Art and Expression
Presents

arts & local culture

Volume 2
Published: 1 March 2022

Published by:
©UiTM Perak Press

eISSN 2805-5071

Editors

- Dr. Syed Alwi Syed Abu Bakar • Dr. Aznan Omar • Dr. Hamidi Hadi • Dr. Azian Tahir • Mahizan Hijaz Mohamad •
- Noor A'yunni Muhamad • Noor Enfendi Desa • Nur Adibah Nadiah Mohd Arifin • Anwar Fikri Abdullah •
- Muhammad Salehuddin Zakaria • Hairulnisak Merman • Nur Muhammad Amin Hashim Amir •



Cawangan Perak



JABATAN SENI HALUS
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
UITM CAWANGAN PERAK



INTRODUCTION

ARTe: Art and Expression is a biannual book chapter, published under collaboration of Department of Fine Arts, Faculty of Art & Design, UiTM Perak Branch with Galeri Al-Biruni under the supervision of Universiti Teknologi MARA, Malaysia. 'ARTe' is an amalgamation of english word 'Art', and malay word, specifically Perak slang 'Ate' which translate as conversation starter. 'ARTe' uses the concept of book chapter that platform art enthusiasts to express their inner-creativity in the form of literacy conjecture

VISION

Art and expression as aspiration towards stylistic and artistic practices

MISSION

- To enhance the culture of research and academic publication among academician and artist for international recognition
- To promote intellectual, cultural and knowledge sharing through artistic expression
- To celebrate the diversity and differences in arts practices thus creating and intellectual platform for artist to express their interest in art

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) books per year (March and September)

e-ISSN No.

2805-5071

COPYRIGHT NOTICE

Copyright © 2021 ARTe: Art and Expression. All rights reserved.

No portion of this book may be reproduced in any form without permission from the Publisher, except as permitted by the publisher themselves. For permission purpose contact:
arte@uitm.edu.my



© The Editor(s) (if applicable) and The Author(s) 2022

This book is an open access publication

Open Access: this book is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution 4.0 International License (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits use, sharing, adaptation, distribution and reproduction in any medium or format, as long as appropriate credit is given to the original author(s) and the source, provide a link to the Creative Commons licence and indicate if changes were made.

DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Hamidi Hadi
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITOR

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Dr Aznan Omar²

(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Mahizan Hijaz Mohamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Noor A'yunni Muhamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Hairulnisak Merman
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

En Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ASSISTANT SECRETARY

Pn Nor Syahirah Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

En Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohamad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAPTER 9

KERONGSANG TOK - INSPIRASI TERKINI REKAAN WARISAN MELAYU

Rozita Binti Shamsuddin

Emilia Binti Abdull Manan

Mohd Masdi Bin Abdul Manan

Raja Norazila Binti Raja Mohd Yusof

Azhar Bin A Aziz

Abstrak

Barang kemas atau barang perhiasan diri merupakan seni warisan masyarakat Melayu khususnya yang terdiri daripada dua jenis bahan utama yang berharga seperti perak dan emas. Selain daripada itu, logam ini digunakan oleh sebilangan masyarakat sebagai cagaran hidup untuk menghimpun harta (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998). Kerongsang Tok merupakan barang perhiasan Melayu lama yang diperbuat daripada logam emas atau saduran warna emas yang semakin diminati oleh masyarakat Melayu moden. ‘Kerongsang Tok’ terdiri daripada 3 bentuk kancing baju atau lebih dikenali dengan panggilan kerongsang yang dipadankan dengan baju kebaya labuh atau kebaya pendek yang memang sudah terkenal di kalangan orang Melayu, Portugis, Nyonya peranakan dan juga kaum Ceti di Melaka sejak berkurun-kurun tahun yang lalu. Beberapa biji kerongsang dipakai untuk mencantumkan baju mereka supaya tidak terdedah disamping menjadi alat perhiasan menggantikan rantai leher. Kerongsang ini dipakai dalam bentuk set tiga biji atau tiga bentuk yang serupa bentuknya atau berlainan tetapi yang seragam motifnya iaitu dua biji bulat sama besar dan satu lagi kerongsang ibu yang berbentuk hati atau ‘paisley’ yang disematkan di bahagian atas sekali. Inspirasi terkini rekaan Kerongsang Tok diilhamkan bagi memberi nafas baru kepada rekaan warisan Melayu lama ini. Inspirasi rekaan terkini diilhamkan daripada pelbagai sumber seperti bunga-bungaan, motif ukiran kayu dan awan larat. Sememangnya, semua kerongsang antik tulen dianggap jarang dan sukar ditemui pada masa kini. Menurut Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2008), seni melayu adalah seni yang mengetengahkan nilai-nilai murni dan mengisi kehidupan dengan pengertian yang lebih bermakna, menjadikan perlunya satu kelangsungan proses komunikasi kesenian dalam masyarakat. Perkembangan rekaan kerongsang tok terkini berupaya mempertahankan kembali kegembilan barang kemas warisan Melayu daripada lenyap ditelan arus kemodenan dan relevan di pasaran.

Katakunci: Anthotype, Eksperimen, Analisa

9.0 Pendahuluan


Kerongsang Tok merupakan perhiasan yang memiliki ukuran panjang 10cm dan lebar 8/7.5 cm. Perhiasan dada yang disematkan di baju wanita yang dibuat daripada emas bertahtakan intan dan berlian. Perhiasan ini merupakan perhiasan mewah dan yang pemakaianya adalah kepada orang-orang tertentu saja sebagai perhiasan pakaian harian.

Barang kemas merupakan barang perhiasan badan yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna yang berasaskan logam dan juga bukan logam. Rekaan barang kemas kini telah dipelbagaikan dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Penerimaan barang kemas di Malaysia didapati sejak abad ke-15 bermula di Kelantan dan Terengganu (Azah Aziz, 2006)

“Persandingan waktu (tahun-tahun) 50-an dan 60-an, songkok yang dipakai akan selalu dihiasi dengan kerongsang dan juga termasuk rantai. Barang kemas Melayu seperti rantai, gelang dan kerongsang intan masih sesuai dipakai dengan busana moden, (Rosman, 2021)



Rajah 42: Kerongsang Tok koleksi barang kemas antik warisan Melayu
(Sumber: <http://hiassolekmelayukerongsang.blogspot.com/>)



Rajah 43: Kerongsang Tok ukuran mengikut saiz sebenar

Kerongsang-kerongsang yang ada jelas menunjukkan bahawa ia terdiri daripada pelbagai rekabentuk yang sukar diulas satu persatu. Ada juga di antara kerongsang ini bersambung atau berangkai di antara satu sama lain dengan rantai yang dijalin. Tujuannya ialah semata-mata untuk memastikan supaya ia tidak bercerai atau tercicir apabila dipakai. Satu lagi keistimewaan kerongsang yang seumpama ini ialah ia dapat memaparkan keindahan senireka tukang-tukang emas zaman dahulu yang unggul dan halus. Ada pula kerongsang yang bertatah permata yang beraneka warna. Semuanya dapat menambahkan seri pada pakaian tradisional seperti baju kebaya.

Sungguhpun Malaysia tidak mempunyai batu-batu permata yang bermutu tinggi tetapi ini tidak pula menjadi halangan kepada para pencipta barang kemas menghasilkan sesuatu ciptaan yang unggul dan menarik. Bahan-bahan ini sebenarnya sentiasa dibawa masuk oleh pedagang-pedagang yang datang berniaga di sepanjang pantai Semenanjung Tanah Melayu tanpa batasan. Kemudahan ini terus diperoleh kerana raja-raja, para pembesar dan rakyat jelata sentiasa mengagumi keindahan batu-batu permata yang dibawa masuk.

Terdapat beberapa perbezaan dari segi rekabentuk kerongsang di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Kerongsang yang dipakai oleh Nyonya peranakan dapat dikenali dengan mudah kerana lazimnya kerongsang-kerongsang mereka dihiasi dengan pelbagai jenis batu permata di sekeliling bulatan atau di sekeliling bahagian tepi kerongsang ibu yang berbentuk hati. Pengukir dan tukang-tukang emas Cina juga lebih gemar menggunakan motif-motif binatang seperti burung, kupu-kupu, jenis-jenis kerang dan sebagainya dalam menghiasi rekaan kerongsang. Bentuk rekaan ini berbeza sekali dengan motif rekaan dalam pertukangan emas Melayu kerana agama Islam melarang umatnya menerapkan gambar atau ukiran bernyawa atau motif binatang ini dalam sebarang reka-corak samada perhiasan atau kain dan sebagainya.

Orang Melayu khususnya orang Islam tidak digalakan menghasilkan rekaan yang berunsurkan bentuk-bentuk haiwan yang nyata, kecuali bentuk yang telah diabstrakkan. Maka pada permukaan sesuatu barang yang dihasilkan hanya menggunakan rekacorak geometrik dan tumbuhan ini adalah berlandaskan kepada lunaslunas Islam. Ini merupakan ciri-ciri terpenting yang mampu membezakan diantara rekacorak Melayu tradisi dengan rekacorak masyarakat Cina Peranakan yang lebih kepada rekacorak berunsurkan binatang, ketuhanan dan semangat seperti maga, burung phoenix, sepasang itik k Manderin, kelawar, ikan, ‘The Three Gods of Happiness’ dan kekayaan(Sylvia Fraser – Lu, 1989).

Memakai barang kemas juga memang menjadi suatu norma dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga tak dapat rotan, akar pun berguna juga. Tidak dapat memakai barang kemas emas yang asli, yang ‘celup emas’ pun boleh juga, (Rosman, 2020).

9.1 Koleksi Antik Rekaan Kerongsang Tok

Barang kemas atau barang perhiasan diri merupakan seni warisan masyarakat Melayu khususnya yang terdiri daripada dua jenis bahan utama yang berharga seperti perak dan emas. Selain daripada itu, logam ini digunakan oleh sebilang masyarakat sebagai cagaran hidup untuk

menghimpun harta (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998). Antara barang kemas yang dihasilkan adalah seperti cucuk sanggul, subang, rantai, kerongsang, pending dan sebagainya. Barang-barang ini boleh dikategorikan kepada hiasan kepala, telinga, leher, tangan dan kaki, baju dan pinggang (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998).

Berdasarkan kepada beberapa kajian, terdapat beberapa nama unik yang digunakan untuk Kerongsang Tok ini. Kerongsang Tok juga dikenali sebagai kerongsang serong atau kerongsang atau kerongsang rantai (jika disambung dengan rantai pada setiap kerongsang untuk mengelakkan daripada terjatuh). Kerongsang Tok mula-mula digemari oleh orang Peranakan Pulau Pinang, tetapi penggunaannya beransur-ansur merebak ke Melaka dan Singapura. Ia biasanya dipakai dengan baju panjang atau kebaya labuh. Kerongsang Tok atau kerongsang serong terdiri daripada kepingan besar berbentuk paisley atau kerongsang ibu (ibu) yang digabungkan dengan dua kerongsang yang lebih kecil, yang dipanggil kerongsang anak (anak), atau kerongsang bulat (bulat), jika ia berbentuk bulat.

Kebanyakan rekaan Kerongsang Tok dihiasi dengan pelbagai jenis batu permata seperti berlian, delima, zamrud dan nilam yang ditemui dalam barang kemas Peranakan lama. Batu permata ini dipercayai berasal dari Banjarmasin di Kalimantan Selatan, yang mempunyai satu-satunya lombong di wilayah itu. Intan atau berlian ini biasanya berwarna kuning, digambarkan sebagai warna air chempaka atau “warna berair bagi bunga chempaka”. Berlian biasanya akan dipotong mawar (potongan tangan) dengan bahagian belakang rata dan muka berkubah dan bermuka. Berlian dengan jenis potongan ini dikenali sebagai intan minyak. Menjelang akhir abad ke-19, berlian potongan yang lebih bersinar cemerlang mula muncul selari dengan perkembangan teknologi pemotongan batu permata. Berlian potongan cemerlang atau berlian baharu ini mempunyai bahagian belakang yang runcing, memantulkan cahaya yang memasuki bahagian atas permata dan keluar semula, memberikan kesan kilauan dan cahaya yang maksimum.

Rekaan barang kemas juga telah dipelbagaikan pembuatannya oleh petukang petukang mahir dengan menggunakan batu-batu permata sebagai tatarias yang indah lagi gemerlap. Sesungguhnya penyingkapan sejarah penggunaan barang kemas di Malaysia oleh Mohd. Kassim Hj. Ali menyatakan bahawa dari zaman purba hingga ke zaman Kesultanan Melayu Melaka abad ke-19 telah mencerminkan identiti dan kegemilangan bangsa Melayu. Pada ketika itu barang kemas hanya dipelopori oleh orang bangsawan dan kerabat diraja sahaja (Mohd Kassim Hj. Ali, 1998)



Rajah 44: Kerongsang Tok pandangan hadapan dan pandangan belakang
 (Sumber: <http://malaysiana.pnm.my/>)



Rajah 45: Pembesaran Kerongsang Tok bahagian pandangan hadapan yang memperlihatkan batu-batu permata dan bahagian pandangan belakang yang memperlihatkan cop pembuatan produk

(Sumber: <http://malaysiana.pnm.my/>)



Rajah 46: Koleksi Rekaan Kerongsang Tok yang menjadi barang antik dan harganya mencapai puluhan ribu ringgit

Sumber: <http://hiassolekmelayukerongsang.blogspot.com/>

Masyarakat perlu disedarkan bahawa mereka perlu menghargai seni warisan mereka. Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Abd Aziz Abdul Rashid, 2008 kajian beliau terhadap Seni Tradisi Melayu yang Terancam Pupus memberi contoh bagaimana masyarakat di Nagoya Jepun amat menghargai seni tembikartempatan di mana mereka menggunakan hasil tembikar sendiri walaupun produk berkenaan tidaklah secantik hasil buatan daripada negara asing. Selain daripada itu seni warisan ini juga mempunyai fungsi sebagai objek mewah, prestij, objek ritual malahan dalam sesetengah situasi sebagai contoh gendang gangsa khususnya merupakan objek warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi berikutnya (Adnan jusoh, 2008). Manakala Siti Zainon Ismail juga berpendapat penghasilan dan penggunaan seni warisan tekstil adalah sebagai pakaian bukan sahaja dilihat dari sudut fungsional, tetapi dinilai dari segi simbol dan keindahan (Siti Zainon Ismail, 1995).



Rajah 47: Rekaan Ibu Kerongsang Tok yang berlainan motif dan konsep
(Sumber: <http://enticz.blogspot.com/2011/03/kerongsang-brooches-html>)

9.2 Inspirasi Terkini Rekaan Kerongsang Tok

Kebanyakan Kerongsang Tok orang Melayu, yang disimpan sebagai koleksi peribadi, merupakan rekaan motif daun dan bunga ataupun bulan sabit berbintang tengah sahaja. Rekaan ini merupakan identiti seni pertukangan emas Melayu di pantai timur dan di seluruh Semenanjung amnya. Manakala bagi kaum Ceti pula, mereka lebih meminati kerongsang yang bertatah batu permata yang berwarna-warni.

Rekabentuk dan Rekacorak yang dihasilkan oleh petukang-petukang barang kemas Melayu tradisional ini memang terkenal dengan kehalusannya. Keadaan persekitaran memainkan peranan dan menjadi inspirasi utama dalam menghasilkan barang kemas. Seni pertukangan perak dan emas adalah hubung kaitan dengan pelbagai teknik pembuatan dan pertukangan. Oleh itu, faktor

kehalusian, ketelitian dan keindahan adalah menjadi faktor utama yang perlu diutamakan bagi menepati elemen dan prinsip kesenian Melayu (Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, 2008).

Pada masa kini kaum wanita moden, tanpa mengira bangsa, telah mengubahsuai rekaan kerongsang lama dan dipakai sebagai alat perhiasan yang dipinjam kepada baju moden ataupun dilekatkan di sudut sebelah kiri baju kot atau bahagian tepi tudung. Kerongsang juga adakahanya digunakan oleh pengantin lelaki untuk menghiasi bahagian tepi songkok semasa majlis pernikahan.

Habib Jewels mengambil peranan sebagai sebuah syarikat barang gergasi di Malaysia yang mengembalikan semula rekaan Kerongsang Tok ini demi mempertahankan warisan Melayu lama daripada hilang ditelan masa. Produk ini dipasarkan sekitar tahun 2019 dengan mengekalkan konsep rekaan asal Kerongsang Tok yang diberi nafas baru. Penggunaan batu berlian diaplikasikan di dalam rekaan tersebut

Cadangan rekaan terkini, Kerongsang Tok yang diinspirasikan masih mengekalkan jumlah 3 bentuk kerongsang dan konsep rekaan masih berkonsepkan motif bunga-bungaan. Cadangan rekaan terkini inspirasi rekaan Kerongsang Tok masih mengekalkan ciri-ciri asal kerongsang iaitu rekaan bunga-bungaan tetapi telah dikembangkan dan diberi nafas baru dengan pemilihan motif yang lebih meluas seperti motif awan larat, motif kerawang dan motif ukiran kayu. Inspirasi ini bersesuaikan dengan konsep asal rekaan Kerongsang Tok yang memang menarik dan unik. Perkembangan teknologi di dalam rekaan barang kemas berkomputer (2D/3D jewellery software) membolehkan pelbagai rekaan dihasilkan tanpa batasan. Warisan Melayu selayaknya dipertahankan dan dipelihara demi megekalkan warisan Melayu lama yang semakin pupus ditelan zaman. Menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan agar warisan Melayu lama masih relevan seiring dengan perjalanan masa.

Menurut Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2008), masyarakat Melayu sering memerhati alam sekeliling untuk mencari idea dan ilham bagi mengisi kegiatan kesenian. Berasaskan sumber inspirasi inilah petukang-petukang emas pada zaman dahulu mencipta motif, corak dan pola yang pelbagai dan cantik sifatnya sehingga dapat digunakan ke atas pelbagai barang bermula daripada benda yang sekecil-kecilnya seperti cucuk sanggul, duit syiling, keris, tepak serih sehingga yang paling besar seperti ukiran tiang dan masjid. Pelbagai bahan yang dijadikan sebagai sumber inspirasi antaranya ialah tumbuh-tumbuhan, alam semula jadi, geometrik, benda dan haiwan (Rahimah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2008).



Rajah 48: Warisan lama diberi nafas baru oleh syarikat gergasi barang kemas demi mempertahankan warisan budaya Melayu (sumber website Habib Jewels)



Rajah 49: Kerongsang Tok yang diilhamkan daripada motif wayang kulit Kelantan (sumber penyelidik)




Rajah 50: Cadangan Rekaan Kerongsang Tok yang diinspirasikan daripada motif awan larat dan dihasilkan secara manual lakaran idea kasar (sumber penyelidik)



Rajah 50: Cadangan Rekaan Kerongsang Tok yang diinspirasikan daripada motif bunga-bungan dihasilkan secara manual lakaran idea kasar oleh penyelidik (sumber penyelidik)



Rajah 51: Cadangan Rekaan Kerongsang Tok yang diinspirasikan daripada motif bunga-bungan secara manual lakaran idea kasar (sumber penyelidik)



Rajah 52: Cadangan Rekaan Kerongsang Tok yang diinspirasikan daripada motif awan larat dan dihasilkan menggunakan perisian computer (2D software – CorelDraw). Rekaan lebih komplikated dan halus.

9.3 Kesimpulan

Barang perhiasan yang sering dikaitkan dengan wanita lazimnya diperbuat daripada emas atau perak. Selain itu, terdapat juga barang perhiasan yang diperbuat daripada tembaga. Terdapat pelbagai reka bentuk dan corak yang menghiasi barang perhiasan tersebut. Pada zaman dahulu tukang emas atau perak biasanya memilih corak yang berunsur flora dan fauna (motif tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga dan binatang). Masyarakat pada zaman dahulu sangat akrab dengan alam semula jadi maka dengan itu, kebanyakan bentuk dan corak yang terdapat pada barang perhiasan wanita memiliki ciri-ciri alam.

Reka bentuk dan corak untuk menghasilkan barang perhiasan adalah sangat penting. Hal ini kerana ukiran tersebut melambangkan nilai dan maksud yang tertentu. Tukang emas/perak/tembaga Melayu pada zaman dahulu lebih gemar memilih motif bunga-bunga tumbuh-tumbuhan. Hal ini kerana reka bentuk dan corak pada barang perhiasan secara tidak langsung dapat membezakan hasil pertukangan masyarakat Melayu dengan masyarakat yang lain. Di samping itu ukiran ini juga dapat menerangkan sejarah dan perkembangan seni pembuatannya.

Dengan mengabungkan serta mengekalkan unsur tradisional ini dalam rekaan kontemporari, sedikit sebanyak dapat memberi peluang kepada generasi akan datang supaya dapat menghayati maksud yang tersirat pada setiap rekacorak yang digunakan. Sebagai contoh, rekacorak yang bermotifkan floral adalah memberi maksud supaya alam semulajadi ini perlu dihayati dan dihargai dengan sepenuhnya. Justeru itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan dan meneruskan kesinambungan warisan sejarah ini agar tidak luput ditelan zaman dan arus pemodenan. Cadangan inspirasi menggabungkan fungsi dan pengayaan barang kemas mengikut perubahan zaman yang nampak lebih kontemporari dan bersesuaian pada zaman sekarang

9.4 Rujukan

- Ali, M.K. (2009). *Barang Kemas Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Aziz, A. (2006). *Rupa & Gaya Busana Melayu*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Bujan, Nor Azlin Hamidon, (2008). *Kesenian Melayu*, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Ralf L. Willkinson, (1978). *Design In Encyclopaedia of World Art*, Jidil IV London, MC Graw Hill Company.
- Sylvia Fraser – Lu, (1989). *Silverware of South East-Asia*, Outrord University Press.
- Siti Zainon Ismail, (1986). *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leong Sau Heng, (1989). *Satu Perbincangan Mengenai Peninggalan Objek-Objek Gangsa Kecil dari Zaman Pra-Sejarah Malaysia*. JAM.2:1-8.
- Jasiman Ahmad dan Nora Samat, (1991). *Seni Pertukangan Logam*, Kuala Lumpur, Penerbit Setia Mega.
- Pameran seni Muṣḥaf dari flora : adaptasi bebas sempena pesta flora ‘98 = floral Muṣḥaf art : free adaptations exhibition in conjunction with flora fest ‘98.
- Mediacorp. (Afiqah Husin, 2021) *Barang kemas Melayu yang menjadi ‘fashion statement’ zaman 1950-an hingga 1970-an*. Retrieved January 28